

PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL DAN KAITANNYA DENGAN BULI SIBER

RAJA MUHAMMAD FAIZ BIN RAJA HASSAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL
DAN KAITANNYA DENGAN BULI SIBER

RAJA MUHAMMAD FAIZ BIN RAJA HASSAN

SARJANA PENDIDIKAN (MULTIMEDIA)

FAKULTI KOMPUTERAN DAN META-TEKNOLOGI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

Perakuan

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, RAJA MUHAMMAD FAIZ BIN RAJA HASSAN (M20192001063) (FKMT) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL DAN KAITANNYA DENGAN BULI SIBER

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. YUSRI BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL DAN KAITANNYA DENGAN BULI SIBER

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (MULTIMEDIA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSIIIPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL DAN
KAITANNYA DENGAN BULI SIBER

No. Matrik /Matric's No.: M20192001063
Saya / I : RAJA MUHAMMAD FAIZ BIN RAJA HASSAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



Penghargaan

Syukur alhamdulillah, dengan izin Allah SWT kertas projek ini telah disertasi dengan jayanya. Dalam usaha mengumpulkan data kajian ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu – individu berikut. Antaranya adalah penyelia pagi kertas projek saya ini, Dr Yusri Abdullah yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat serta panduan dalam menjayakan kertas projek ini, pelajar dari Kolej Profesional Mara Indera Mahkota (KPMIM) yang melibatkan diri dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi yang telah memberi ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan semangat dan tidak lupa kepada kedua ibu bapa saya yang menjadikan pembakar semangat saya dalam menjayakan kertas projek ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tentang perkongsian maklumat peribadi pelajar di media sosial dengan kekerapan menjadi mangsa buli dan kecenderungan menjadi pembuli siber. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan soal-selidik. Soal selidik ini telah diubah suai daripada Che Hasniza Che Noh (2014). Sampel kajian adalah seramai 132 orang pelajar dari program Diploma Rangkaian Komputer dan Diploma Produksi Media Digital Kreatif di Kolej Profesional Mara Indera Mahkota (KPMIM), Pahang. Dapatan kajian dianalisis secara statistik deskriptif; kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan indeks relatif serta statistik inferensi; ujian t sampel bebas dan ujian korelasi pearson. Kajian mendapati jenis maklumat peribadi yang kerap dikongsikan di media sosial oleh pelajar adalah gambar sendiri (70.5%), perkongsian minat (64.4%) dan tarikh lahir (51.5%). Jenis media sosial yang kerap digunakan oleh pelajar adalah Instagram (93.9%), Tik Tok (77.3%) dan Facebook (74.2%). Dapatan kajian mendapati jenis buli siber yang kerap diterima adalah mendapat kata-kata kotor dan lucah ($R_{II}=0.286$), menerima komen negatif (0.283) dan dijadikan bahan jenaka oleh rakan di laman sosial ($R_{II}=0.271$). Manakala jenis membuli siber yang sering dilakukan adalah menghantar komen negatif ($R_{II}=0.230$), menghantar kritikan memalukan ($R_{II}=0.220$) dan menjadikan rakan laman sosial sebagai bahan jenaka ($R_{II}=0.218$). Kajian mendapati tidak terdapat perbezaanjantina bagi mangsa buli, manakala bagi mangsa buli menunjukkan pelajar perempuan lebih cenderung untuk menjadi pembuli siber. Selain itu, terdapat hubungan antara kekerapan menjadi mangsa buli siber dan kecenderungan menjadi pembuli siber. Berpandukan kepada dapatan kajian, adalah dicadangkan kempen kesedaran tentang kebaikan media sosial serta kempen kesedaran tentang bahaya dan kesan buli siber dalam pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan kepada pelajar institusi pengajian tinggi.



SHARING OF PERSONAL INFORMATION ON SOCIAL MEDIA AND ITS RELATION TO CYBERBULLYING

ABSTRACT

This study aims to identify the sharing of personal information of students on social media with the frequency of becoming a victim of bullying and the tendency to become a cyber bully. This quantitative study uses a questionnaire survey research design. This questionnaire was modified from Che Hasniza Che Noh (2014). The study sample was a total of 132 students from the Diploma in Computer Networking and Diploma in Creative Digital Media Production programs at Mara Indera Mahkota Professional College (KPMIM), Pahang. The findings of the study were analyzed statistically descriptively; frequency, percentage, mean, standard deviation and relative index and inferential statistics; independent sample t test and pearson correlation test. The study found that the types of personal information that are often shared on social media by students are self -portraits (70.5%), shared interests (64.4%) and dates of birth (51.5%). The types of social media that are frequently used by students are Instagram (93.9%), Tik Tok (77.3%) and Facebook (74.2%). The findings of the study found that the types of cyberbullying that are often received are receiving dirty and obscene words ($R_{II}=0.286$), receiving negative comments (0.283) and being made fun of by friends on social media ($R_{II}=0.271$). While the type of cyberbullying that is often done is sending negative comments ($R_{II}=0.230$), sending embarrassing criticism ($R_{II}=0.220$) and making friends on social sites as a joke ($R_{II}=0.218$). The study found that there was no gender difference for victims of bullying, while for victims of bullying, female students were more likely to become cyber bullies. In addition, there is a relationship between the frequency of being a victim of cyberbullying and the tendency to become a cyberbully. Based on the findings of the study, it is suggested that an awareness campaign about the benefits of social media as well as an awareness campaign about the dangers and effects of cyber bullying in teaching and learning be implemented for students of higher education institutions.

SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN	ii
BORANG PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11

1.7 Skop & Limitasi	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Definisi Operasional	14
1.10 Kesimpulan	18

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	19
2.2 Jenis – Jenis Media Sosial	20
2.2.1 Blog	21
2.2.2 Facebook	22
2.2.3 Instagram	23
2.2.4 TikTok	24

2.2.6 Whatapps	26
2.2.7 Kekerapan Penggunaan Media Sosial	26
2.2.8 Perkongsian Maklumat Peribadi di Media Sosial	29
2.2.9 Jenis-jenis Perkongsian Maklumat Peribadi melalui Media Sosial	31
2.3 Buli Siber Melalui Media Sosial	35
2.3.1 Perbezaan mangsa buli di antara pelajar lelaki dan perempuan	38
2.3.2 Perbezaan Mangsa Buli Siber Bergantung pada	

Tempoh Penggunaan Media Sosial	40
2.4 Kecenderungan Menjadi Pembuli Siber	41
2.4.1 Perbezaan Pembuli Siber di Antara Jantina	42
2.4.2 Perbezaan Perbezaan Pembuli Siber bergantung pada tempoh penggunaan media sosial	44
2.5 Hubungan Mangsa Buli dan Pembuli Siber	45
2.6 Teori The Barlett Gentile Cyberbullying Model (BGCM)	49
2.7 Kerangka Konseptual Kajian	51
2.8 Kesimpulan	53

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	54
3.2 Rekabentuk Kajian	56
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	57
3.4 Soal Selidik	59
3.5 Kesahan Konstruk	60
3.5.1 Kajian Rintis	61
3.5.2 Kebolehppercayaan Konstruk Soal Selidik	62
3.6 Ujian Normaliti	63
3.7 Ujian Statistik	65
3.8 Kesimpulan	67

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	68
4.2 Latar belakang Responden	69

4.3 Status Pemilikan Media Sosial	71
4.4. Status Kekerapan dan Perkongsian Media Sosial	72
4.5 Kekerapan Penggunaan Media Sosial dalam Perkongsian Maklumat Peribadi Pelajar	74
4.6 Tahap Kekerapan Pelajar Cenderung menjadi Mangsa Buli Siber	75
4.7 Jenis Buli Siber	76
4.8 Tahap Kekerapan Pelajar Cenderung menjadi Pembuli Siber	78
4.9 Jenis Membuli Siber	79
4.10 Perbezaan menjadi Mangsa Buli Siber antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan	80
4.11 Perbezaan menjadi Pembuli Siber antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan	81
4.12 Perbezaan menjadi Mangsa Buli Bergantung kepada Tempoh Penggunaan Media Sosial	82
4.13 Perbezaan menjadi Pembuli Bergantung kepada Tempoh Penggunaan Media Sosial	84
4.14 Hubungan Kekerapan Pelajar menjadi Mangsa Buli Siber dengan Kecenderungan menjadi Pembuli Siber	86
4.15 Kesimpulan	87

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	88
5.2 Pembincangan Dapatan kajian	88



5.2.1 Profil penggunaan media sosial, perkongsian maklumat peribadi, pelajar menjadi mangsa buli siber dan kecenderungan menjadi pembuli siber	89
5.2.2 Perbezaan menjadi mangsa buli mengikut jantina dan tempoh penggunaan media sosial	94
5.2.3 Perbezaan kecenderungan menjadi pembuli siber mengikut jantina dan tempoh penggunaan media sosial	95
5.2.4 Hubungan kekerapan pelajar menjadi mangsa buli dengan kecenderungan menjadi pembuli siber	97
5.3 Implikasi Kajian	98
5.3.1 Aplikasi Media sosial dalam PdP	98
5.3.2 Kesedaran perkongsian maklumat peribadi di media sosial menyebabkan pelajar berisiko menjadi mangsa atau pembuli siber	99
5.3.3 Tempoh penggunaan media sosial yang berlebihan berpotensi menjerumus para pelajar ke persekitaran buli siber	101
5.3.4 Kesedaran buli siber	102
5.4 Cadangan Lanjutan Kajian	103
5.4.1 Bengkel aplikasi media sosial yang berkesan dalam PdP	103
5.4.2 Kempen kesedaran tentang perkongsian maklumat peribadi	104
5.4.3 Kempen kesedaran penggunaan media sosial	104
5.4.4 Kempen kesedaran buli siber	105
5.5 Kesimpulan	106
Rujukan	107



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual Penentuan Saiz Sampel Berasaskan Krejcie & Morgan (1970)	58
3.2 Jadual Peratusan Persetujuan Konstruk	60
3.3 Jadual Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	62
3.4 Jadual Nilai Cronbach Alpha Peratus Persetujuan	63
3.5 Jadual Statistik Inderensi	66
4.1 Jadual Latar Belakang Responden	70
4.2 Jadual Status Pemilikan Media Sosial	71
4.3 Jadual Status Kekerapan Penggunaan Media Sosial	73
4.4 Jadual Tahap kekerapan Perkongsian Maklumat Peribadi di Media Sosial	73
4.5 Jadual Kekerapan Penggunaan Media Sosial dalam Perkongsian Maklumat Peribadi Pelajar	74



4.6	Tahap Kekerapan Pelajar pernah menjadi Mangsa Buli Siber	75
4.7	Tahap kekerapan gambaran diri pelajar menjadi mangsa buli siber	75
4.8	Jenis Buli Siber	77
4.9	Tahap Kekerapan Pelajar Cenderung menjadi Pembuli Siber	78
4.10	Tahap kekerapan gambaran diri pelajar menjadi pembuli siber	78
4.11	Jenis Membuli Siber	79
4.12	Perbezaan menjadi Mangsa Buli Siber antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan.	80
4.13	Perbezaan menjadi Pembuli Siber antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan	81
4.14	Perbezaan menjadi Mangsa Buli Bergantung kepada Tempoh Penggunaan Media Sosial	82
4.15	Ringkasan Ujian Post Hoc perbandingan kekerapan penggunaan media sosial yang meningkatkan risiko menjadi mangsa buli siber	83
4.16	Perbezaan menjadi Pembuli Bergantung kepada Tempoh Penggunaan Media Sosial	84
4.17	Ringkasan Ujian Post Hoc perbandingan kekerapan penggunaan media sosial yang meningkatkan risiko menjadi pembuli siber	85
4.18	Hubungan Kekerapan Pelajar menjadi Mangsa Buli Siber dengan Kecenderungan menjadi Pembuli Siber	86





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

2.1	The Barlett Gentile Cyberbullying Model (BGCM)	51
2.2	Kerangka Konsep	52





SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
KITA	Institut Kajian Etnik
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
KPMIM	Kolej Profesional Mara Indera Mahkota
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
AKM	Akta Komunikasi dan Multimedia
UNICEF	Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
CSM	<i>CyberSecurity Malaysia</i>
BGCM	<i>The Barlett Gentile Cyberbullying Model</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
GAM	<i>General Aggression Model</i>
GLM	<i>General Learning Model</i>
RII	Indeks Kepentingan Relatif



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
A Surat Kebenaran menggunakan Soal Selidik	118
B Soal Selidik	119
C Ujian Normaliti Mangsa Buli	127
D Ujian Normaliti Pembuli	130
E Kekerapan Penggunaan Media Sosial Dalam Perkongsian Maklumat Peribadi Pelajar	133
F Jenis Buli Siber	135
G Jenis Membuli Siber	137
H Surat Pengesahan Pakar	139



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Semasa pandemik, kebanyakan sektor ekonomi di Malaysia mengalami kemerosotan, ini termasuk juga sektor pendidikan. Pihak universiti telah memutuskan untuk melaksanakan kelas secara dalam talian, ini sejajar dengan arahan Kementerian Pendidikan mengarahkan universiti dan kolej tidak mengadakan kelas secara bersemuka (Rathakrishnan, 2020). Semasa proses



pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian, pelajar menghabiskan banyak masa melayari internet dan menggunakan media sosial sehingga tidak sedar berkongsi maklumat peribadi dan seterusnya membuka peluang kepada individu yang tidak bertanggungjawab untuk menggunakan informasi tersebut untuk melakukan kerja yang tidak berfaedah termasuk buli siber (Jamiah Manap, 2016). Dalam sebuah laporan yang ditulis oleh Asmahanim Amir (2015) dalam wacana dengan Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin berkata walaupun ia telah menjadi alat yang berkesan untuk berkongsi maklumat, media sosial juga telah disalahgunakan untuk menyebarkan fitnah dan maklumat salah.

Buli siber merupakan satu bentuk pembulian yang dilakukan secara digital yang menggunakan platform media sosial. Dengan perkongsian maklumat di media sosial, pelajar boleh menjadi mangsa buli siber di mana pembuli siber ini menggunakan maklumat tersebut untuk mengugut, menyebarkan fitnah dan sebagainya (UNICEF, 2020). Pelajar yang menjadi mangsa buli ini kebiasaannya mendiamkan diri daripada meminta pertolongan daripada pihak yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini. Dalam sebuah laporan akhbar Harian Metro yang bertajuk “Semua pihak perlu peka isu buli”, ditulis Intan Mas Ayu Shahimi pada tahun 2019. Dalam temubual dengan Pakar Motivasi Keluarga, Zaid Mohamad, menyatakan perubahan perilaku kanak – kanak dan remaja boleh di lihat apabila mereka menjadi mangsa buli. Biasanya mereka tertekan, terperangkap dan takut untuk meluahkan, apalagi melapor kes buli yang dialami (Shahimi, 2019). Lebih teruk lagi, kebanyakan pelajar yang menjadi mangsa buli siber ini juga akan melakukan perkara yang sama kepada pelajar lain di mana pelajar ini akan menjadi pembuli siber supaya pelajar lain dapat merasai apa yang mereka rasakan (Ariffin, 2021). Kajian Che Hasniza Che Noh (2014) mendapati mangsa buli siber bukan sahaja pernah mengalami situasi buli siber, tetapi juga pernah melakukan buli

siber. Ianya seolah-olah mereka berada dalam satu rantai yang berulang, disebabkan itu kes buli siber semakin meningkat dan semakin sukar untuk ditangani (Atak, 2018).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan salah satu proses dalam mempelajari ilmu di mana pensyarah akan menyampaikan maklumat serta kemahiran kepada pelajar dalam membantu pelajar bagi mengasah kemahiran serta ilmu untuk menghadapi masa hadapan. PdP merupakan singkatan untuk dua patah perkataan iaitu pembelajaran dan pengajaran, perkataan pembelajaran bermaksud perihal atau proses belajar (Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 2017). Manakala menurut ahli psikologi, Gagne (1970), 'pembelajaran adalah perubahan atau kemampuan seseorang yang dapat dikekalkan tetapi tidak disebabkan pertumbuhan'. Pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian ini boleh menyebabkan pelajar banyak masa menggunakan internet untuk melayari media sosial (Fatin Fatinah Manap, 2017)

Dalam artikel Hibrahim, (2021) temubual bersama Presiden Majlis Profesor Negara, Profesor Datuk Dr Raduan Che Rose berkata, pembelajaran dalam talian yang berterusan dijangka menjejaskan kualiti pembelajaran. Hal ini demikian kerana pelajar IPTA masih lagi belum bersedia dari segi mental, kelengkapan fasiliti dan persekitaran tidak sedia kondusif. Tambahan pula, tinjauan yang dilakukan mendapati 30% pelajar IPTA tidak mempunyai akses



kepada kemudahan yang diperlukan bagi melakukan pembelajaran secara dalam talian (Hibrahim, 2021).

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi keempat, media membawa maksud alat atau perantaraan komunikasi dalam sesebuah perhubungan. Manakala sosial bermaksud segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat dan kemasyarakatan (Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 2017). Oleh itu, media sosial adalah satu platform di internet di mana pelayar boleh berkomunikasi. Menurut Andreas Kaplan dan Michael Haenlein (2010), media sosial sebagai satu kumpulan aplikasi berasaskan Internet yang dibina berdasarkan ideologi dan teknologi Web 2.0, yang mampu mencipta dan menukar kandungan yang dijana pengguna.



Rangkaian sosial adalah kaedah yang sering digunakan oleh komuniti di seluruh dunia. Media biasa, seperti akhbar atau televisyen, mengenakan sekatan ke atas pengguna kerana sukar bagi pengguna untuk menyatakan pendapat atau pendapat bebas mengenai kandungan siaran. Dengan munculnya media sosial, pengguna dengan mudah mengemukakan pendapat dan berkomunikasi dengan seluruh pengguna lain di dunia tanpa halangan (Andreas M. Kaplan, 2010). Media sosial merupakan salah satu instrumen yang digunakan oleh pengguna sekarang dengan kewujudan internet untuk berhubung dengan pengguna lain tanpa batasan. Tambahan pula, dengan adanya telefon pintar, pengguna mengakses media sosial tidak kira di mana sahaja, seolah semua maklumat atau isu-isu semasa semuanya berada di hujung jari mereka. Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Datuk Seri Mohammad Mentek, statistik menunjukkan bahawa rakyat di Malaysia antara yang paling aktif menggunakan media sosial dan bilangan pengguna meningkat sebanyak dua juta atau tujuh peratus dalam tempoh setahun dari tahun 2020 (Bernama, 2021).





Memandangkan ramai pelajar menghabiskan waktu mereka dengan media sosial, wujudnya potensi buli siber dan juga pembuli siber. Sekiranya keadaan ini dibiarkan kes buli siber akan terus meningkat, dan keadaan yang dialami oleh mangsa buli siber yang dilakukan oleh pembuli siber akan berulang kembali, di mana mangsa buli siber akan mengulangi perbuatan pembuli tersebut terhadap rakannya yang lain. Menurut Che Hasniza (2014) mangsa buli siber juga merupakan pelaku siber buli. Dapatan kajian beliau menunjukkan min yang tertinggi adalah penggunaan perkataan yang bertujuan merendahkan atau memalukan seseorang dan menjadikan rakan mereka sebagai satu bahan jenaka di media sosial.

Penggunaan perkataan yang negatif ini bertujuan bagi menyembunyikan identiti pembuli siber, Kajian oleh Che Hasniza (2014) mendapati carian daripada enjin carian Google mendapati bahawa perkataan yang berunsur caci cerca dan maki hamun adalah seperti contoh berikut: “melayu+bodoh”: 6,500,000 hasil carian “melayu+sial”: 1,220,000 hasil carian, dan “melayu+celaka”: 833,000 hasil carian (Che Hasniza Che Noh, 2014). Serangan siber melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk mengganggu atau membahayakan orang lain. Serangan boleh berlaku daripada individu atau kumpulan dengan niat jahat. Li (2005) dan Raskauskas (2006) menyatakan bahawa buli siber ini adalah lanjutan dari buli tradisional. Menurut Li (2005), buli siber tidak dapat dibezakan dari buli tradisional kerana ianya saling berhubung. Hampir 30% pembuli tradisional menjadi pembuli siber manakala 33% dari mangsa buli tradisional merupakan mangsa buli siber.



1.3 Pernyataan Masalah

Perkongsian maklumat peribadi di media sosial boleh menimbulkan masalah di mana informasi yang dikongsikan boleh digunakan untuk tujuan yang tidak bertanggungjawab seperti kes buli siber. Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Perancangan Jangkauan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Nur Haili Nadia Mustapha Kamal berkata kecuai berkongsi maklumat peribadi di media sosial, menyebabkan maklumat peribadi dimanipulasikan oleh individu yang tidak bertanggungjawab di media sosial untuk melakukan aktiviti yang tidak berfaedah. Hal ini menunjukkan bahawa hak privasi dalam kalangan pengguna media sosial semakin lama semakin pudar (Bernama, 2015).

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalahgunakan media sosial apabila sebanyak 48 pertuduhan telah difailkan di mahkamah bagi tempoh antara Januari sehingga September 2020. Angka tersebut memperlihatkan peningkatan sebanyak 66% dan adalah lebih tinggi berbanding pada tahun 2019. Daripada jumlah 48 pertuduhan tersebut, 34 pertuduhan adalah melibatkan kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, dengan perbuatan berkongsi atau menyebarkan kandungan lucah mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 22 pertuduhan. (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020).

Buli siber merupakan satu bentuk pembulian yang dilakukan secara digital yang menggunakan platform media sosial. Penggunaan media sosial secara meluas menjadikan ia platform menggalakkan perbuatan buli siber dan sikap buruk, bukan sahaja dalam kalangan

belia, malah orang dewasa. Dalam laporan Bernama (2022), penyelidik mengenai buli siber belia, Jessie Yong, berkata bagi tahun 2020, laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) belia di Malaysia dikenal pasti antara pelaku buli siber kedua tertinggi di Asia (Bernama, 2022). Tambahan beliau juga, menurut Teori Pilihan Glasser, keperluan itu berkisar kepada aspek kelangsungan hidup, isu kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan (Bernama, 2022).

Perbuatan itu mungkin berpunca daripada rasa tidak gembira si pembuli akibat keperluan asasnya tidak dipenuhi (Bernama, 2022). Dalam laporan Atak (2018), ancaman buli siber dalam negara berada pada tahap serius dan masyarakat perlu bersedia menghadapi ancaman berkenaan, menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab. Tambahan juga, jika tidak dibendung, ia akan menjadi ancaman kepada diri dan masyarakat kerana buli siber dikesan lebih bahaya berbanding buli secara fizikal berikutan ia boleh dilakukan sesiapa saja tanpa kawalan melalui teknologi internet. Berdasarkan statistik Pusat Bantuan Cyber999, 51 kes membabitkan remaja berusia sehingga 18 tahun, 19 tahun hingga 25 tahun (246 kes), 26 tahun hingga 40 tahun (314 kes), 41 tahun hingga 55 tahun (69 kes) dan 56 tahun ke atas (69 kes) (Atak, 2018). Berdasarkan statistik yang ditunjukkan golongan remaja berumur 18 tahun, 19 tahun hingga 25 tahun mempunyai nilai kedua tertinggi selepas golongan yang berusia 26 tahun hingga 40 tahun dengan jumlah kes sebanyak 314 kes.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBMM) mengkaji pembangunan 1382 orang muda berumur 15 hingga 30 tahun di enam zon berbeza pada 2017, mendapati buli siber lebih kerap berlaku di kalangan wanita (58.19%) berbanding lelaki (41.81%), itulah

sebabnya mereka lebih berkemungkinan mengalami gejala buli siber (Insituti Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia , 2017). Dalam tinjauan yang dilakukan oleh *Cyberbullying Research Center* pada tahun 2019, menyatakan, kanak-kanak perempuan lebih cenderung mengalami buli siber sepanjang hayat mereka. Di samping itu, kanak-kanak lelaki lebih cenderung menjadi pembuli siber dan membuli orang lain sepanjang hayat mereka (16.1% berbanding 13.4%) dan dalam 30 hari terkini (8.1% berbanding 4.6%). Jenis buli siber cenderung berbeza mengikut jantina; kanak-kanak perempuan lebih cenderung untuk mengatakan seseorang menyebarkan khabar angin tentang mereka dalam talian, manakala kanak-kanak lelaki lebih cenderung mengatakan seseorang mengugut untuk menyakiti mereka dalam talian (Cyberbully Research Center, 2019).

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini tertumpu kepada penyebaran maklumat peribadi di media sosial dan pengalaman mangsa buli dan kecenderungan untuk menjadi pembuli siber.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- I. Mengetahui kekerapan penggunaan media sosial dalam perkongsian maklumat peribadi, kekerapan menjadi mangsa buli siber dan kekerapan kecenderungan menjadi pembuli siber.
- II. Mengetahui perbezaan menjadi mangsa buli mengikut jantina dan tempoh penggunaan media sosial.
- III. Mengetahui perbezaan kecenderungan menjadi pembuli siber mengikut jantina dan tempoh penggunaan media sosial.
- IV. Mengetahui hubungan kekerapan pelajar menjadi mangsa buli dengan kecenderungan menjadi pembuli siber

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini terhasil daripada objektif yang telah dihuraikan. Terdapat lapan persoalan yang dihasilkan berdasarkan objektif di atas.

Persoalan Kajian adalah seperti berikut:

1. Berapa kerapkah pelajar berkongsi maklumat peribadi melalui media sosial?
2. Apakah jenis buli siber dan tahap kekerapan pelajar menjadi mangsa buli siber?
3. Apakah jenis membuli siber dan tahap kekerapan pelajar cenderung menjadi pembuli siber?
4. Adakah terdapat perbezaan menjadi mangsa buli antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
5. Adakah terdapat perbezaan menjadi pembuli antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
6. Adakah terdapat perbezaan menjadi mangsa buli bergantung kepada tempoh penggunaan media sosial?
7. Adakah terdapat perbezaan menjadi pembuli siber bergantung kepada tempoh penggunaan media sosial?
8. Adakah terdapat hubungan kekerapan pelajar menjadi mangsa buli dengan kecenderungan menjadi pembuli siber?



1.6 Hipotesis Kajian

Berikut merupakan hipotesis yang dihasilkan berdasarkan persoalan kajian, terdapat lima hipotesis yang dihasilkan.

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan signifikan menjadi mangsa buli antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan signifikan menjadi pembuli antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan signifikan menjadi mangsa buli bergantung kepada tempoh penggunaan media sosial.

H₀₄: Tidak terdapat perbezaan signifikan menjadi pembuli siber bergantung kepada tempoh penggunaan media sosial

H₀₅: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kekerapan pelajar menjadi mangsa buli dengan kecenderungan menjadi pembuli siber





1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar Kolej Profesional Mara Indera Mahkota Pahang. Pelajar yang dipilih adalah dari program Diploma Rangkaian Komputer dan pelajar program Diploma Produksi Media Digital Kreatif. Sehubungan itu, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada pelajar program Diploma Rangkaian Komputer dan pelajar program Diploma Produksi Media Digital Kreatif dan tidak sesuai menggambarkan pelajar Kolej Profesional Mara Indera Mahkota Pahang yang mengambil kursus yang lain.

Skop kajian adalah bagi mengukur kekerapan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar Kolej Profesional Mara Indera Mahkota Pahang dari program Diploma Rangkaian Komputer dan pelajar program Diploma Produksi Media Digital Kreatif dan kekerapan pelajar berkongsi maklumat peribadi sebagai contoh nama sebenar, gambar sendiri, minat pelajar, tarikh lahir pelajar, nama sekolah pelajar, bandar atau tempat tinggal pelajar, status hubungan, alamat emel pelajar, video pelajar dan nombor telefon pelajar. Selain itu, kekerapan pelajar menjadi mangsa buli siber dan jenis gangguan atau buli siber yang dihadapi oleh pelajar. dan kecenderungan membuli. Kekerapan pelajar cenderung untuk menjadi pembuli siber dan jenis gangguan atau buli siber yang dilakukan terhadap pelajar atau individu lain. Justeru, kajian ini terbatas kepada konstruk kajian yang difokuskan sahaja dan tidak melibatkan konstruk-konstruk lain yang mungkin berkaitan dengan penggunaan media sosial dan buli siber.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh memberi manfaat dan maklumat kepada pihak Kolej Profesional Mara Indera Mahkota. Pihak IPTA serta pihak-pihak yang berkepentingan hendaklah memastikan gejala buli siber ini dapat ditangani dalam kalangan pelajar IPTA. Selain data yang diperoleh daripada pelajar IPTA.

Kajian ini penting bagi membuka mata masyarakat tentang perkongsian maklumat peribadi di media sosial adalah sesuatu yang membahayakan. Hal ini demikian kerana, maklumat peribadi yang dikongsikan boleh disalahgunakan oleh individu lain bagi melakukan aktiviti tidak bermoral seperti buli siber. Kajian ini memberi kesedaran kepada individu tentang perkongsian maklumat peribadi di media sosial perlu dihadkan bertujuan untuk mengelakan diri dari menjadi mangsa jenayah siber seperti buli siber. Hal ini kerana, infomasi tentang seseorang adalah rahsia dan hanya boleh diketahui oleh individu tersebut seperti tentang perubatan atau kesihatan individu tersebut yang boleh dijadikan sumber ugutan atau menjatuhkan maruah bagi individu lain.

Kajian ini penting bagi memberi gambaran kepada pihak yang bertanggungjawab tentang bahayanya perkongsian maklumat peribadi di media sosial dan implikasi disebabkan oleh salah guna maklumat peribadi menyebabkan individu tersebut mengalami kesihatan mental seperti kemurungan, depresi dan sebagainya. Hal ini demikian, pihak bertanggungjawab perlu menguatkuasakan undang-undang tentang jenayah siber ini bagi mengatasi aktiviti ini seperti buli siber.

1.9 Definisi Operasional

Definisi istilah bagi setiap pemboleh ubah perlu dijelaskan untuk melancarkan perbincangan dalam kajian ini. Dalam konteks penyelidikan ini, beberapa istilah mempunyai makna seperti berikut:

i. Media sosial

Media sosial adalah platform dalam talian di mana pengguna boleh berinteraksi dan berkongsi pendapat tentang isu-isu seperti politik, sains, gaya hidup, sukan dan sebagainya (Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi, 2019). Andreas Kaplan dan Michael Haenlein (2010: 56-57) merujuk media sosial sebagai "sekumpulan aplikasi yang menggunakan Internet, dibina berdasarkan ideologi dan teknologi Web 2.0".

Dalam kajian ini, media sosial adalah merujuk kepada satu aplikasi di internet untuk berinteraksi dan berkongsi pelbagai maklumat, bermaksud maklumat peribadi; di dalam alam maya.

ii. Perkongsian Maklumat Peribadi

Menurut Sonnenwald (2006), perkongsian maklumat merupakan aktiviti perkongsian maklumat kepada individu lain sehingga memberi kesan kepada seseorang. Perkongsian maklumat dapat didefinisikan sebagai tindakan sukarela untuk menjadikan maklumat yang dimiliki oleh satu entiti tersedia untuk entiti lain (Motwani, 2008).

Maklumat peribadi pula bermaksud apa-apa maklumat yang digunakan dalam transaksi komersial yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan subjek data, seperti yang dikenal pasti dari maklumat tersebut. Data dapat direkodkan secara manual atau elektronik merangkumi objektif dan subjektif tanpa mengira maklumat sumber yang diperoleh termasuk maklumat asas (contohnya nama, alamat dan nombor kad pengenalan) sehingga maklumat sensitif (contohnya rekod perubatan dan kesihatan) atau maklumat lain yang ditentukan oleh Menteri di bawah Akta dari semasa ke semasa (Jabatan Perlindungan Data Peribadi, 2021). Oleh itu perkongsian maklumat peribadi boleh difahami sebagai sebuah perbuatan atau aktiviti berkongsi maklumat yang berkaitan dengan keperibadian diri kita.

Dalam kajian ini, perkongsian maklumat peribadi adalah bermaksud perkongsian maklumat tentang keperibadian seseorang, iaitu merujuk pada nama sebenar, berkongsi gambar, minat seseorang, tarikh lahir, nama sekolah, alamat rumah, status hubungan seseorang, alamat emel, video diri seseorang, nombor telefon dan sebagainya. Perkongsian maklumat peribadi menyebabkan berlakunya banyak kes buli siber di mana pembuli akan menggunakan maklumat peribadi yang diperolehi dari perkongsian maklumat di media sosial



bagi membuli mangsa bertujuan untuk memalukan mereka. Oleh itu, perkongsian maklumat peribadi di media sosial dapat membuka peluang untuk individu yang tidak bertanggungjawab bagi menggunakan data personal bagi tujuan untuk melakukan perkara yang tidak beretika seperti buli siber.

iii. Buli Siber

Brady (2010) mendefinisi buli siber sebagai satu bentuk pembulian yang menggunakan alat telekomunikasi seperti telefon pintar, e-mel, pemesejan segera dan rangkaian sosial. Manakala, Smith, Barrio dan Tokunaga (2012) merumuskan buli siber sebagai tingkah laku berbahaya yang ditujukan terhadap seseorang yang menggunakan teknologi komputer atau telefon.

Dalam kajian ini, buli siber bermaksud pembulian yang berlaku secara dalam talian di mana mangsa tidak mengetahui siapa pembuli mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pengalaman menjadi mangsa buli siber dan pengalaman menjadi pembuli siber.

iv. Mangsa Buli Siber

Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), mendefinisikan mangsa kepada sasaran perbuatan jahat, buli merujuk kepada perbuatan mendera, mempermainkan seseorang supaya dapat



menyesuaikan diri dengan suasana yang baru dan siber merujuk komputer dan internet. Istilah mangsa buli siber ini merujuk kepada lelaki atau perempuan yang telah terjejas oleh buli siber (Sarina Yusuf, 2018).

Dalam kajian ini, mangsa buli siber ialah mangsa yang dibuli secara dalam talian oleh pembuli yang tidak dikenali. Kajian ini juga mengukur kekerapan menjadi mangsa buli siber dalam satu tempoh tertentu dan kekerapan jenis gangguan atau buli siber yang dihadapi oleh mangsa buli siber.

v. Kecenderungan menjadi Pembuli Siber

Kecenderungan merujuk kepada kesukaan, keinginan, dan kemahuan pembuli pula merujuk kepada orang yang membuli orang lain dan siber merujuk kepada komputer dan internet (Perpustakaan Negara Malaysia, 2005). Individu yang membuat komen negatif tentang orang lain dalam talian boleh mencipta persekitaran dalam talian yang menakutkan bagi individu lain. (Ricks, 2021).

Dalam kajian ini, kecenderungan menjadi pembuli siber bermaksud keinginan individu untuk menjadi seorang pembuli siber. Kajian ini mengukur kekerapan pembuli siber melakukan kegiatan buli dalam satu tempoh tertentu dan kekerapan jenis gangguan atau buli siber yang dilakukan terhadap mangsa buli siber.



1.10 Kesimpulan

Bab ini menerangkan secara umum berkaitan dengan permasalahan kajian terhadap perkongsian maklumat peribadi dan kekerapan menjadi mangsa pembuli serta kecenderungan menjadi mangsa buli. Bab ini juga membincangkan beberapa aspek utama dalam kajian ini, antaranya perkongsian maklumat peribadi di media sosial, kekerapan untuk menjadi mangsa buli siber dan kecenderungan menjadi pembuli siber.

Tambahan pula, bab ini menerangkan tentang empat objektif kajian dan persoalan-persoalan kajian yang menjadi fokus utama kajian ini. Selain itu, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasi pembolehkan kajian dibincangkan. Bab seterusnya akan membincangkan tentang sorotan kajian, teori, dan kerangka konseptual yang mendasari kajian ini.

